

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	25 AUGUST 2016

Mahathir ramal pembangkang kalah

Blh - 25/8/2016

➔ Bekas PM beri amaran pakatan terima padah jika tolak Parti Pribumi

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bharian.com.my

✦ Putrajaya

Tan Sri Muhyiddin Yassin, tidak semestinya dipilih sebagai ketua pembangkang jika Parti Pribumi Bersatu Malaysia pimpinan bekas Timbalan Perdana Menteri itu tidak komited kepada agenda reformasi pakatan pembangkang.

Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata perkara itu perlu diputuskan selepas mesyuarat agung parti berkenaan, selain turut bersetuju sesiapa sahaja boleh dipilih mengetuai pakatan berkenaan.

Selain itu, katanya, pakatan pembangkang akan kalah pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) jika mereka tidak bersatu dan

tidak menerima parti itu sebagai ahli gabungan baharu.

“Jika pembangkang berlawan sesama sendiri, ini memberi kelebihan kepada Barisan Nasional (BN) untuk menang pada PRU-14 nanti,” katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucapan sempena Siri Wacana Perdana Ke-20, di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini semalam.

Tak tahu isu dalam blog

Beliau berkata demikian merujuk kepada laporan sebuah portal berita baru-baru ini, berhubung kenyataan Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar, bahawa Muhyiddin boleh dipilih sebagai Ketua Pembangkang di Parlimen jika parti itu komited dan sehaluan dengan agenda pakatan parti pembangkang.



Pakatan pembangkang akan kalah pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) jika mereka tidak bersatu dan tidak menerima parti itu sebagai ahli gabungan baharu”

Dr Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir mendakwa tidak mengetahui apa-apa mengenai kenyataan Megat Fairouz, iaitu anak sulung bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Allahyarham Tan Sri Megat Junid Megat Ayub, berhubung isu penahanan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ketika pentadbiran beliau.

Baru-baru ini, sebuah laman blog memuat naik dakwaan Megat Fairouz bahawa tindakan penahanan ISA yang ditandatangani bapanya adalah atas arahan dan persetujuan Dr Mahathir.

Dr Mahathir mendakwa beliau tidak tahu mengenai isu baharu yang dibangkitkan laman blog itu dan berpendapat mungkin anak Megat Junid lebih banyak tahu mengenai apa yang dilakukan oleh bapa beliau berbanding dirinya.